

1. Perniagaan secara langsung memainkan peranan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Bagaimanakah perniagaan memainkan peranan ini?

- A. Menyediakan peluang pekerjaan
- B. Membantu perkembangan ekonomi negara
- C. Menjalankan tanggungjawab sosial korporat
- D. Menyediakan pelbagai barang dan perkhidmatan

2. Apakah kelebihan syarikat sendirian berhad berbanding syarikat awam berhad?

- A. Beban cukai yang rendah
- B. Syer boleh dipindah milik secara bebas
- C. Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai
- D. Liabiliti pemegang saham terhad kepada modal yang dilaburkan


3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri suatu bentuk pemilikan perniagaan.

- Perniagaan dikendalikan mengikut satu sistem piawaian yang ditetapkan oleh pemegang hak sesuatu jenama
- Peniaga boleh menggunakan jenama atau cap dagangan pemegang hak
- Peniaga tidak boleh melakukan sebarang inovasi tanpa kebenaran pemegang hak

Apakah bentuk pemilikan tersebut?

- A. Francais
- B. Usaha sama
- C. Kedai sejaras
- D. Syarikat sendirian berhad

4. Rajah 1 berkaitan dengan prinsip suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Rajah 1

Apakah Pemilikan **Q**?

- A. Usaha sama
- B. Perkongsian
- C. Francais
- D. Koperasi

5. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan.

- Mudah ditubuhkan dan mudah diurus
- Dikenakan cukai individu
- Keputusan dibuat sepenuhnya oleh pemilik

Apakah contoh pemilikan perniagaan tersebut?

- A. Prima Global Sdn. Bhd.
- B. Tiga Dimensi Enterprise
- C. Koperasi Belia Johor Bahru Berhad
- D. Perniagaan Rahmat dan Rakan – rakan

6. Perbezaan manakah yang betul tentang Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Awam Berhad?

	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Awam Berhad
A.	Bilangan ahli sekurang – kurangnya dua dan tiada had maksimum	Bilangan ahli antara 2 orang hingga 50 orang
B.	Saham tidak boleh diurus niaga di Bursa Malaysia	Saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia
C.	Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad
D.	Laporan kewangan akan diumumkan kepada orang ramai	Laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai

7. Pilih pernyataan yang benar berkaitan francais.

	Francaisor	Francaisi
A.	Memiliki hak asal jenama produk	Risiko kegagalan perniagaan rendah
B.	Pengalaman berniaga tidak diperlukan	Melibatkan jenama terkenal dan jaringan luas
C.	Menyediakan khidmat latihan kepada pelanggan	Dapat mengembangkan perniagaan secara global
D.	Tiada kawalan berterusan kepada peniaga	Tiada beban cukai

8. Apakah tanggungjawab francaisi dalam perniagaan francais?

- A. Membayar fi tertentu kepada francaisor
- B. Melaksanakan penyelidikan produk
- C. Menyediakan skim latihan pekerja
- D. Melakukan promosi

9. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bentuk pemilikan perniagaan.

- Perkongsian strategik antara dua syarikat
- Perniagaan diuruskan sehingga tercapainya objektif

Apakah bentuk pemilikan perniagaan tersebut?

- A. Francais
- B. Koperasi
- C. Usaha sama
- D. Perkongsian

10. Gambar 1 menunjukkan logo suatu bentuk pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah ciri pemilikan perniagaan tersebut?

- I Saham syarikat diniagakan di Bursa Malaysia
- II Tertakluk kepada Akta Syarikat 1965
- III Ahli menanggung liabiliti terhad
- IV Bilangan ahli 2 hingga 20 orang

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

11. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah berkaitan dengan sektor ketiga?

- I Melibatkan aktiviti peruncit dan pemborong
- II Melibatkan aktiviti membekalkan perkhidmatan
- III Merupakan penyumbang terbesar kepada KDNK negara
- IV Pengekstrakan sumber semula jadi merupakan aktiviti utama

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV


12. Agensi kerajaan manakah yang membantu peniaga tempatan menembusi pasaran antarabangsa.

- A. MARA
- B. FELDA
- C. MARDI
- D. MATRADE

13. Aktiviti manakah yang terlibat dalam sektor primer?

- A. Sharmimi menjual ketam
- B. Haikal menternak udang dalam kolam
- C. Athirah memproses ikan dijadikan keropok
- D. Luqman menghantar sayur – sayuran ke pasar

14. Rajah 2 berkaitan dengan sektor perniagaan.



Rajah 2

Manakah yang mewakili X?

- A. Pembinaan

- B. Pertanian
- C. Pengangkutan awam
- D. Perlombongan emas

15. Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi perniagaan perkilangan berdasarkan saiz.

I	II
Jualan tahunan RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta.	Bilangan pekerja tetap 75 orang hingga kurang daripada 200 orang

Klasifikasi saiz manakah yang tepat?

	I	II
A.	Sederhana	Besar
B.	Kecil	Besar
C.	Kecil	Sederhana
D.	Besar	Kecil

16. Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

	Faktor Dalaman	Faktor Luaran
A.	Ekonomi	Undang – undang
B.	Ekologi	Pemasaran
C.	Kewangan	Gaya Pengurusan
D.	Sumber manusia	Politik

17. Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?

- I Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang
- II Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang
- III Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan
- IV Kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

18. Sebagai seorang pengguna yang bijak, apakah langkah yang harus diambil semasa keadaan inflasi?

- A. Meningkatkan pembelian barangan mewah
- B. Mengelakkan daripada membuat pinjaman bank
- C. Mengutamakan perbelanjaan bagi barang keperluan

D. Bekerja lebih masa untuk meningkatkan pendapatan

19. Pernyataan manakah yang menunjukkan trend pertumbuhan ekonomi yang meningkat?

- A. Guna tenaga semakin menurun
- B. Peniaga mengurangkan operasi pengeluaran
- C. Cukai yang dikutip oleh kerajaan semakin meningkat
- D. Jualan dan keuntungan perniagaan adalah malar

20. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis gaya pengurusan.

- Pekerja diberikan kebebasan untuk membuat keputusan
- Pengurus kurang mengawal tingkah laku pekerja

Apakah gaya pengurusan tersebut?

- A. Gaya pengurusan *laissez-faire*
- B. Gaya pengurusan autokratik
- C. Gaya pengurusan demokratik
- D. Gaya pengurusan sokongan

21. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan konsep perancangan strategik organisasi.

- Boleh dibahagikan kepada jangka pendek dan jangka panjang
- Tempoh jangka pendek kurang daripada lima tahun


Apakah konsep perancangan strategik berkenaan?

- A. Visi
- B. Polisi
- C. Objektif
- D. Prosedur

22. Apakah maksud berdaya saing perniagaan?

- A. Jenama produk mendapat sambutan di pasaran
- B. Kemampuan untuk terus bertahan dalam industri
- C. Perniagaan menikmati kedudukan kewangan yang baik
- D. Kemampuan untuk melakukan promosi yang berterusan

23. Maklumat berikut berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat.



Apakah risiko yang dihadapi oleh peniaga sekiranya menggunakan saluran tersebut?

- I Pasaran yang terlalu luas
- II Komen negatif terhadap produk
- III Terdedah kepada penipuan bayaran
- IV Meningkatkan kos promosi perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV


24. Maklumat berikut berkaitan dengan satu bahagian fungsian.

- Menjalankan urusan dalaman organisasi
- Menguruskan rekod
- Mengendalikan mesyuarat

Apakah bahagian fungsian yang bertanggungjawab terhadap perkara – perkara tersebut?

- A. Kewangan
- B. Pentadbiran
- C. Sumber manusia
- D. Khidmat pelanggan

25. Gambar 2 berkaitan dengan aliran kerja satu bahagian fungsian dalam aktiviti perniagaan.



Gambar 2

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A. Jualan
 - B. Pemasaran
 - C. Pengurusan sumber manusia
 - D. Penyelidikan dan pembangunan
26. Pengantara teknologi maklumat dan komunikasi manakah yang dapat memudahkan komunikasi dalaman?
- A. Internet
 - B. Intranet
 - C. e-dagang
 - D. e-banking
27. Jawatan manakah yang terlibat dalam bahagian fungsian kewangan?
- A. Pengurus belian
 - B. Penyelia jualan
 - C. Penyelaras ICT
 - D. Pegawai kredit
28. Maklumat berikut berkaitan dengan peranan bahagian fungsian dalam aktiviti perniagaan.


- Memastikan tempahan bahan mentah dibuat awal
- Pekerja menyediakan kontrak untuk pihak berkaitan
- Memastikan syarikat membayar tepat pada masanya

Apakah bahagian fungsian yang terlibat?

- A. Pengeluaran

- B. Pemasaran
 - C. Pembelian
 - D. Pengagihan
29. Apakah aplikasi teknologi maklumat yang digunakan untuk membuat tempahan dan pengesahan pembelian barangan?
- A. e-dagang
 - B. e-banking
 - C. e-pemasaran
 - D. e-government
30. Bahagian fungsian manakah yang dapat membantu peniaga menjual produknya secara atas talian?
- A. Teknologi maklumat dan komunikasi
 - B. Pengurusan pelanggan
 - C. Pengagihan
 - D. Pemasaran
31. Encik Rahim seorang pemilik restoran menerima bahan mentah perniagaannya daripada pemborong Hidayah setiap 3 hari. Beliau membuat bayaran dengan menggunakan cek.
- Encik Rahim terlibat dalam interaksi dengan
- A. Bank
 - B. Pembekal
 - C. Pelanggan
 - D. Agensi kerajaan
32. Apakah kepentingan yang diperoleh oleh peniaga yang berinteraksi dengan organisasi luar?
- I Menambah sumber perniagaan
 - II Mewujudkan jaringan perniagaan
 - III Mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan
 - IV Menggunakan dokumen perniagaan dengan cekap
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

33. Rajah 3 berkaitan dengan bahagian fungsian pengurusan sumber manusia.



Rajah 3

Apakah **X**?

- A. Kemudahan pekerja semasa bertugas
- B. Perkhidmatan kesatuan pekerja
- C. Proses pengambilan pekerja
- D. Latihan dan pembangunan

34. Antara yang berikut, yang manakah betul tentang kepentingan struktur organisasi?

- I Mengagihkan sumber
- II Mewujudkan rantaian arahan
- III Melatih sumber manusia
- IV Menetapkan visi dan misi

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

35. Mengapakah bank mengamalkan struktur organisasi berdasarkan pelanggan?

- A. Kos operasi tinggi
- B. Mempunyai banyak cawangan
- C. Bilangan pelanggan yang ramai
- D. Menyediakan pelbagai perkhidmatan kewangan

36. Apakah faktor yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman?

- I Nama perniagaan
- II Lokasi kilang
- III Nilai aset yang dicagar
- IV Tempoh bayaran balik pinjaman

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

37. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak – pihak tertentu dalam perniagaan?

	Pihak Berkepentingan	Kepentingan
I	Pengurusan	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang saham
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
III	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya
IV	Pekerja	Asas kepada tuntutan untuk mendapatkan royalty

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

38. Encik Daniel seorang pengusaha kebun durian telah mereka cipta satu peralatan mudah untuk membuka buah durian dengan cepat dan mudah.

Apakah ciri keperibadian usahawan yang ada pada Encik Daniel?

- A. Kreatif
- B. Inovatif
- C. Berpandangan jauh
- D. Berani mengambil risiko

39. Gambar 3 menunjukkan satu agensi kerajaan yang menyumbangkan kepada kejayaan usahawan.



Gambar 3

Bagaimanakah agensi berkenaan menyumbangkan kepada kejayaan usahawan?

- A. Menyediakan khidmat nasihat memulakan perniagaan
- B. Memberikan latihan kemahiran pengurusan perniagaan
- C. Menyediakan modal untuk memulakan perniagaan
- D. Membantu dalam pemilihan lokasi perniagaan

40. Pada pendapat anda, adakah motosikal merupakan stok bergerak perlahan?

- A. Tidak, kerana permintaan untuk motosikal tinggi
- B. Ya, kerana motosikal mudah rosak
- C. Ya, kerana motosikal mengambil masa yang lama untuk dijual
- D. Tidak, kerana motosikal boleh disimpan lama

KERTAS SOALAN TAMAT